**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| TAJUK : **TUNTUTAN PERJALANAN BAGI MENGHADIRI TEMU DUGA KENAIKAN PANGKAT** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 1/16 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | Seseorang pegawai yang menghadiri temu duga kenaikan pangkat dalam skim yang sama atau skim yang berbeza secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) layak membuat tuntutan sebagaimana kelayakan tugas rasmi.<br><br><u>Takrifan Skim Perkhidmatan</u><br>Perkhidmatan-perkhidmatan yang fungsinya bertanggungjawab dalam bidang tertentu mengikut klasifikasi perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh JPA. Contoh Skim Perkhidmatan Kewangan (W)<br><br>Senarai Skim Perkhidmatan di bawah Klasifikasi W: | Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1990 |

| Skim Perkhidmatan | Jenis Skim Perkhidmatan | Gred |
|---|---|---|
| Juruaudit | Pengurusan & Profesional | W41, W44, W48, W52, W54 |
| Penolong Juruaudit | Pelaksana | W27, w32, W36 |
| Akauntan | Pengurusan & Profesional | W41, W44, W48, W52, W54 |
| Penolong Akauntan | Pelaksana | W27, w32, W36 |
| Pembantu Akauntan | Pelaksana | W17, W22, W26 |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) | Pelaksana | W17, W22, W26 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | Skim Yang Sama<br>Contohnya Pembantu Akauntan kepada KPSL Penolong Akauntan.<br><br>Skim Yang Berbeza<br>Pembantu Tadbir (Kew) / Pembantu Tadbir (P/O) kepada KPSL Penolong Akauntan.<br><br>1.0 Pastikan Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri diterima dan dokumen sokongan disertakan. | |
| | 1.1 Borang Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri | Lampiran A |
| | 1.2 Salinan Surat Panggilan Temuduga Kanaikan Pangkat | Lampiran B |
| | 1.3 Resit-resit berkaitan – satu perakuan hendaklah dibuat iaitu " *Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi Kerajaan"*. | |
| | 2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58 (a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-<br><br>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58 (a) diterima.<br><br>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi.<br><br>Sekiranya syarat AP58 (a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan. | Arahan Perbendaharaan 58 (a) |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 3.0 Pastikan butir-butir **maklumat pegawai** adalah lengkap seperti berikut :-<br><br>3.1 Nama dan no. kad pengenalan hendaklah dicatatkan.<br><br>3.2 Takrifan<br><u>Gred</u><br>Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2002 dan pindaannya. Pegawai yang membuat pilihan untuk tidak menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM) boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran di bawah pekeliling ini berdasarkan Gred/ Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB)/ Kumpulan gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan.<br><br><u>Pegawai</u><br>Seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara.<br><br><u>Tetap</u><br>Seseorang yang dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan atau pihak yang diwakilkan kuasa olehnya. | Pekeliling WP 1.4<br><br>Pekeliling WP 1.4<br><br>Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 Tahun 2000 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | <u>Sementara</u><br>Seseorang yang dilantik secara sementara oleh Suruhanjaya Perkhidmatan atau pihak yang diwakilkan kuasa olehnya. | Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 Tahun 2000 |
| | 3.3 Pendapatan (RM) termasuk gaji pokok dan elaun- elaun | |
| | 3.4 Kenderaan–jenis / model, no pendaftaran, kuasa (c.c) & kelas tuntutan. | |
| | Semak antara lingkungan gaji pokok pegawai dengan sukatan silinder kenderaan / kuasa (c.c) bagi menentukan kelas tuntutan yang layak bagi pegawai membuat tuntutan. Kelas tuntutan hendaklah mengikut kadar yang terendah antara gaji dan sukatan selinder | Pekeliling WP 1.4 |

| Lingkungan Gaji | Kelas | Sukatan Selinder |
|---|---|---|
| Tidak kurang dari RM2,625.45 sebulan. | A | 1400 s.s ke atas |
| Tidak kurang dari RM2,333.00 sebulan. | B | 1000s.s ke atas |
| Tidak kurang dari RM1,820.75 sebulan. | C | Di bawah 1000 s.s |
| Kurang dari RM1,820.75 sebulan. | D | Tidak kurang 175 s.s |
| Kurang dari RM1,820.75 sebulan. | E | Di bawah 175 s.s |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | Kadar per km mengikut kelas kenderaan dan jarak :- | Pekeliling WP 1.4 |

| Jarak | Kelas | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E |
| | (sen/km) | | | | |
| 500 km pertama | 70 | 60 | 50 | 45 | 40 |
| 501-1000km | 65 | 55 | 45 | 40 | 35 |
| 1001-1700km | 55 | 50 | 40 | 35 | 30 |
| 1701km dan seterusnya | 50 | 45 | 35 | 30 | 25 |

3.5 Alamat Pejabat & Alamat Rumah

<u>Takrif Ibu Pejabat</u>

Tempat biasa seorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya :-

3.5.1 25km jika boleh dihubungi oleh jalan raya.

3.5.2 16km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; dan

3.5.3 8km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal dan sungai.

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 4.0 Kenyataan Tuntutan<br><br>Pastikan kenyataan tuntutan pegawai adalah lengkap – catatkan dengan jelas tarikh, waktu bertolak dan sampai, tujuan/ tempat dan jarak (km) perjalanan.<br><br>4.1 Semak sama ada salinan surat jemputan menghadiri temuduga ada disertakan.<br><br>4.2 Pegawai yang Layak Menuntut<br>Seseorang pegawai yang menghadiri temu duga kenaikan pangkat dalam skim yang sama atau skim yang berbeza secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) layak membuat tuntutan sebagaimana kelayakan tugas rasmi.<br><br>**Walau bagaimanapun, pegawai yang menghadiri temu duga kenaikan pangkat dalam skim yang berbeza (bukan KPSL) tidak layak menuntut elaun-elaun dan kemudahan sebagaimana menjalankan tugas rasmi.**<br><br>5.0 Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan<br>Semak sama ada pegawai menuntut tambang pengangkutan awam atau menggunakan kenderaan sendiri. | Pekeliling WP 1.4 |

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th>MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK</th><th>RUJUKAN</th></tr>
<tr><td>Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat</td><td>
<u>Elaun Perjalanan Kenderaan</u><br>
Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabatnya adalah layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan.<br><br>
6.0 Tuntutan Tambang Pengangkutan Awam<br><br>
Seseorang pegawai yang tidak menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau luar Ibu Pejabatnya, adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut :-<br><br>
6.1 Teksi/ kereta sewa/ bas/ motobot/ jenis pengangkutan lain dalam kategori ini.<br><br>
Mengikut tambang lazim dan disokong dengan resit sekiranya resit dikeluarkan. Sekiranya tiada, buat perakuan bahawa perbelanjaan telah dilakukan dan dibayar oleh pegawai.ii) Kereta api / kapal laut dan lain-lain.<br><br>
6.2 Kereta api/kapal laut/jenis pengangkutan lain dalam kategori ini.<br><br>
<table>
<tr><th>Gred</th><th>Kelas</th></tr>
<tr><td>27 dan ke atas</td><td>Satu</td></tr>
<tr><td>26 dan ke bawah</td><td>Dua</td></tr>
</table>
</td><td>Pekeliling WP 1.5</td></tr>
</table>

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 7.0 **Tuntutan elaun makan / elaun harian**<br><br>Semak kenyataan tuntutan, tarikh, waktu bertolak dan pulang daripada menghadiri temuduga kenaikan pangkat.<br><br>7.1 **Elaun Makan**<br>Layak dituntut oleh seorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh 24 jam atau lebih bermula dari waktu bertolak.<br><br>Kadar **Elaun Makan** adalah seperti berikut :-<br><br>7.1.1 Kakitangan Awam Biasa | Pekeliling WP 1.4 |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Labuan, Sarawak (RM) |
|---|---|---|
| Utama/Khas 'A' dan ke atas | 115.00 | 165.00 |
| Utama/Khas 'B' dan 'C' | 100.00 | 130.00 |
| 53 dan 54 | 85.00 | 115.00 |
| 45 hingga 52 | 60.00 | 80.00 |
| 41 hingga 44 | 45.00 | 65.00 |
| 17 hingga 40 | 40.00 | 55.00 |
| 16 dan ke bawah | 35.00 | 50.00 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 7.1.2 Polis | Pekeliling WP 1.5 |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Labuan, Sarawak (RM) |
|---|---|---|
| Ketua Polis dan Timbalan Ketua Polis Negara | 115.00 | 165.00 |
| Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis | 100.00 | 130.00 |
| Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis | 85.00 | 115.00 |
| Timb. Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis | 60.00 | 80.00 |
| Inspektor Polis hingga Penolong Penguasa Polis | 45.00 | 65.00 |
| Konstabel hingga Sub Inspektor | 40.00 | 55.00 |
| Sarjan hingga Sub Inspektor Sokongan/ Orang Asli | 40.00 | 55.00 |
| Konstabel hingga Koperal Sokongan/ Orang Asli | 35.00 | 50.00 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 8.0 **Elaun Harian**<br><br>Layak bagi pegawai menjalankan tugas rasmi luar Ibu Pejabat **melebihi lapan (8) jam tetapi kurang dari 24 jam**. Kadar mengikut kadar separuh dari kelayakan Elaun Makan.<br><br>9.0 **Tuntutan bayaran sewa hotel / elaun lojing.**<br><br>Pastikan resit hotel asal ada disertakan bersama borang tuntutan.<br><br>9.1 <u>Takrif Bayaran Sewa Hotel</u><br>Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap layak menuntut Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit tertakluk kepada had maksimumnya. | |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | **Kadar kelayakan Bayaran Sewa Hotel** (maksimum) adalah seperti berikut :<br><br>9.1.1 Kakitangan Awam Biasa | Pekeliling WP 1.4 |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Labuan, Sarawak (RM) |
|---|---|---|
| Utama/ Khas 'A' dan ke atas | Sebenar *(Standard Suite)* | Sebenar *(Standard Suite)* |
| Utama/Khas 'B' dan 'C' | Sebenar (Bilik *Superior)* | Sebenar (Bilik *Superior)* |
| 53 dan 54 | Sebenar (Bilik Biasa) | Sebenar (Bilik Biasa) |
| 45 hingga 52 | 240.00 | 270.00 |
| 41 hingga 44 | 220.00 | 250.00 |
| 27 hingga 40 | 200.00 | 230.00 |
| 17 hingga 26 | 180.00 | 210.00 |
| 16 dan ke bawah | 160.00 | 190.00 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 9.1.2 Polis | Pekeliling WP 1.5 |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Labuan, Sarawak (RM) |
|---|---|---|
| Ketua Polis dan Timbalan Ketua Polis Negara | Sebenar (*Standard Suite*) | Sebenar (*Standard Suite)* |
| Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis | Sebenar (Bilik *Superior*) | Sebenar (Bilik *Superior*) |
| Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis | Sebenar (Bilik Biasa) | Sebenar (Bilik Biasa) |
| Timbalan Penguasa Polis hingga Pen. Pesuruhjaya Polis | 240.00 | 270.00 |
| Inspektor Polis hingga Penolong Penguasa Polis | 220.00 | 250.00 |
| Sarjan Hingga Sub Inspektor | 200.00 | 230.00 |
| Konstabel hingga Koperal | 180.00 | 210.00 |
| Sarjan hingga sub Inspektor/ Orang Asli | 180.00 | 210.00 |
| Konstabel hingga Koperal Sokongan/ Orang Asli | 160.00 | 190.00 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 9.2 **Elaun Lojing**<br>Semak sama ada pegawai menginap di hotel atau tidak.<br><br>a) Pegawai layak menuntut elaun lojing jika pegawai tidak menuntut elaun hotel.<br>b) Resit tidak perlu dikemukakan bagi tuntutan Elaun Lojing.<br>c) Alamat Lojing perlu dicatatkan dalam borang tuntutan.<br><br><u>Takrif Lojing</u><br>Tempat menginap pegawai selain hotel atau rumah rehat. Dibayar sekiranya pegawai menginap di rumah kawan/saudara-mara dan lain-lain tempat.<br><br>9.2.1 Kakitangan Awam Biasa. | Pekeliling WP 1.4 |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Labuan, Sarawak (RM) |
|---|---|---|
| Utama/Khas ’A’ dan ke atas | 80.00 | 85.00 |
| Utama/Khas ’B’ dan ’C’ | 75.00 | 80.00 |
| 53 dan 54 | 70.00 | 75.00 |
| 45 hingga 52 | 60.00 | 70.00 |
| 41 hingga 44 | 55.00 | 65.00 |
| 27 hingga 40 | 45.00 | 50.00 |
| 17 hingga 26 | 40.00 | 45.00 |
| 16 dan ke bawah | 35.00 | 40.00 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 9.2.2 Polis | Pekeliling WP 1.5 |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Labuan, Sarawak (RM) |
|---|---|---|
| Ketua Polis dan Timb. Ketua Polis Negara | 80.00 | 85.00 |
| Pesuruhjaya Polis dan Timb Pesuruhjaya Polis | 75.00 | 80.00 |
| Pen. Kanan Pesuruhjaya Polis | 70.00 | 75.00 |
| Timb. Penguasa Polis hingga Pen. Pesuruhjaya Polis | 60.00 | 70.00 |
| Inspektor Polis hingga Pen. Penguasa Polis | 55.00 | 60.00 |
| Sarjan Hingga Sub Inspektor | 45.00 | 50.00 |
| Konstabel hingga Koperal | 40.00 | 45.00 |
| Sarjan hingga sub Inspektor/ Orang Asli | 40.00 | 45.00 |
| Konstabel hingga Koperal Sokongan/ Orang Asli | 35.00 | 40.00 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 10.0 Tuntutan Pelbagai<br><br>Bayaran tol dan tempat letak kereta<br>Hanya layak dituntut jika pegawai membawa kenderaan sendiri dengan mengemukakan resit sebagai dokumen sokongan. Sekiranya menggunakan Touch N Go, pastikan Penyata Touch N Go dicetak dan diserlahkan *(highlight)* yang berkenaan.<br><br>11.0 Pengakuan<br>Pastikan kenyataan tuntutan di ruangan Pengakuan diisi dengan lengkap.<br><br>11.1 Isikan ruangan para c, sekiranya resit tambang pengangkutan awam tidak diperolehi / hilang / tiada.<br><br>11.2 Tarikh dan tandatangan pegawai adalah lengkap<br><br>12.0 Pengesahan<br><br>Pastikan ruangan Pengesahan pada borang tuntutan dilengkapkan dengan tarikh, tandatangan dan cop jawatan pegawai bertanggungjawab. | Pekeliling WP 1.4 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Temuduga Kenaikan Pangkat | 13.0 Semak sama ada **kod objek** yang dipertanggungkan di atas baucar bayaran adalah menggunakan objek lanjut di bawah objek sebagai 21000. | |

13.1 Kakitangan Awam Biasa

| Perkara | Dalam Negeri | Luar Negeri |
|---|---|---|
| Elaun Makan/Harian | B0221101 | B0221201 |
| Elaun Lojing/Hotel | B0221102 | B0221202 |
| Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter | B0221103 | B0221203 |
| Pejalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas) | B0221104 | B0221204 |
| Feri/ Bot | B0221105 | B0221205 |
| Kapal Terbang/ Tambang Gantian | B0221106 | B0221206 |

13.2 Polis

| Perkara | Dalam Negeri | Luar Negeri |
|---|---|---|
| Elaun Makan/ Harian | B0221301 | B0221401 |
| Elaun Lojing/ Hotel | B0221302 | B0221402 |
| Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter | B0221303 | B0221403 |
| Pejalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas) | B0221304 | B0221404 |
| Feri/ Bot | B0221305 | B0221405 |
| Kapal Terbang/ Tambang Gantian | B0221306 | B0221406 |

**LAMPIRAN A**

**KENYATAAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM NEGERI**
**BAGI SEPTEMBER/ 2016**
**(Bulan) (Tahun)**

| MAKLUMAT PEGAWAI | | |
|---|---|---|
| Nama (Huruf Besar) : | NURIN MAISARAH BINTI MOHD SHUKRY | |
| No. Kad Pengenalan : | 820511-15-0128 | |
| Gred/Kategori/ [Kumpulan (*)] : | W44 | |
| Jawatan : | Akauntan | |
| Pendapatan (RM) | Gaji | : RM 3,535.41 |
| | Elaun-Elaun | : RM 1,100.00 |
| | Jumlah | : RM 4,635.41 |
| Kenderaan | Jenis/Model | : HONDA JAZZ |
| | No. Pendaftaran | : NCD 101 |
| | Kuasa (C.C) | : 1.5 CC |
| | Kelas Tuntutan | : A/~~B/C/D/E~~ (**) |
| Alamat Pejabat | Jabatan Akauntan Negara Malaysia<br>Negeri Sembilan.<br>Tingkat 10, Wisma Persekutuan<br>Jalan Dato' Abdul Kadir<br>70990 Seremban<br>Negeri Sembilan | |
| Alamat Rumah | Lot 811, Jalan Haji Mohd Khalid<br>Kampung Baru Si Rusa<br>Port Dickson<br>Negeri Sembilan | |

| KENYATAAN TUNTUTAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tarikh | Waktu | | Tujuan/Tempat | Jarak (km) |
| | Bertolak | Sampai | | |
| | | | ***Menghadiri Temuduga Pemangkuan Akauntan Gred W48 di Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Presint 2 Putrajaya pada 17 September 2015.*** | |
| 17.9.2015 Khamis | 7.00 pg | 8.15 pg | Dari rumah di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson (PD) ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia Putrajaya dengan menaiki kereta sendiri.<br><br>**Tol PD – Seremban : RM 3.20**<br>**Tol Seremban – Kajang : RM 6.00** | 98 km |
| | 8.30 pg | 3.30 ptg | Menghadiri temuduga | 98 km |
| | 4.00 ptg | 5.15 ptg | Dari tempat temuduga, Jabatan Akauntan Negara Presint 2, Putrajaya balik ke rumah di Port Dickson (PD)<br><br>**Tol Kajang- Seremban : RM 6.00**<br>**Tol Seremban- PD : RM 3.20** | |

| TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Bagi : | | | | |
| 500 km pertama | | 196 km x | 70 sen/km | : RM 137.20 |
| 150 km selepas | 500 km : | ...... km x | sen/km | : RM |
| 150 km selepas | 650 km : | ..... km x | sen/km | : RM |
| 150 km selepas | 800 km : | ..... km x | sen/km | : RM |
| 150 km selepas | 950 km : | ..... km x | sen/km | : RM |
| 150 km selepas | 1,100 km : | ..... km x | sen/km | : RM |
| 150 km selepas | 1,250 km : | ..... km x | sen/km | : RM |
| 150 km selepas | 1,400 km : | ..... km x | sen/km | : RM |
| 150 km selepas | 1,550 km : | ..... km x | sen/km | : RM |
| 150 km selepas | 1,700 km : | ..... km x | sen/km | : RM |
| | | | Jumlah | : **RM 137.20** |

| TUNTUTAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM | | |
|---|---|---|
| Teksi | [Resit ] | : RM |
| Bas | [Resit ] | : RM |
| Keretapi | [Resit ] | : RM |
| Feri | [Resit ] | : RM |
| Lain-lain : | | : RM |
| | Jumlah | : **RM** |

| TUNTUTAN ELAUN MAKAN/ELAUN HARIAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| ......... hari x | Elaun Makan sebanyak | RM | / sehari | : RM |
| .........hari x | Elaun Harian sebanyak | RM | / sehari | : RM 0.00 |
| | | | Jumlah | : **RM 0.00** |

| TUNTUTAN BAYARAN SEWA HOTEL (BSH)/ELAUN LOJING | | |
|---|---|---|
| ......... x BSH sebanyak RM /hari<br>[Resit ] | : | RM 0.00 |
| Bayaran Perkhidmatan dan Cukai Kerajaan | : | RM |
| ......... x Elaun Lojing sebanyak RM /hari | : | RM 0.00 |
| Jumlah | : | RM 0.00 |

| TUNTUTAN PELBAGAI | | |
|---|---|---|
| Tol [ PD- Seremban ; Seremban- Kajang ] | | RM 18.40 |
| Tempat Letak Kereta [ Resit ] | : | RM |
| Dobi [ Resit ] | : | RM |
| Pos [ Resit ] | : | RM |
| Telefon, Teleks, Faks [Resit ] | : | RM |
| Kerugian pertukaran matawang asing (@3%)<br>[Bagi Singapura, Selatan Thailand, Kalimantan dan Brunei Darussalam sahaja ] | | RM |
| Jumlah Tuntutan | : | RM 155.60 |

| PENGAKUAN |
|---|
| Saya mengaku bahawa :<br>(a) perjalanan pada tarikh-tarikh tersebut adalah benar dan telah dibuat atas urusan rasmi;<br>(b) tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan bagi pegawai bertugas rasmi dan/atau pegawai berkursus yang berkuatkuasa semasa;<br>(c) perbelanjaan yang bertanda (*) berjumlah sebanyak RM ....... telah sebenarnya dilakukan dan dibayar oleh saya; |

| | |
|---|---|
| (d) panggilan telefon sebanyak RM.................... dibuat atas urusan rasmi; dan<br>(e) butir-butir seperti yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya.<br><br>Tarikh : 2 Oktober 2015       *Nurin Maisarah*<br>(Tandatangan) | |
| **PENGESAHAN** | |
| Adalah disahkan bahawa perjalanan tersebut adalah atas urusan rasmi.<br><br>Tarikh : 4 Oktober 2015       *Zureyda Ahmad Akbar*<br>(Tandatangan)<br><br>**ZUREYDA AHMAD AKBAR**<br>(Nama)<br><br>**PENGARAH**<br>**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**<br>**NEGERI SEMBILAN**<br>(Jawatan) | |
| **PENDAHULUAN DIRI (jika ada)** | |
| Pendahuluan Diri diberi | RM |
| Tolak : Tuntutan sekarang | RM |
| Baki dituntut / Baki dibayar balik | RM |

Catatan :

(*) - jika pegawai memilih untuk tidak menerima SSB.

(**) - potong mana yang tidak berkenaan.

**LAMPIRAN B**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
***Accountant General's Department Malaysia***
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 1000
Faks : 03-8882 1040/ 8882 500.
8882 1045
Web : http://www.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM/BPPP/3/20 Jld.2 (21)
Tarikh : 3 September 2015

**NURIN MAISARAH MOHD SHUKRY**
**820511-16-0128**
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Sembilan
Tingkat 10, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70990 Seremban
Negeri Seremban

Puan,

**TEMUDUGA URUSAN PEMANGKUAN AKAUNTAN GRED W48 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan mengadakan sesi temuduga bagi urusan pemangkuan Akauntan Gred W48. Tarikh, masa dan tempat temuduga adalah seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **17 September 2015 (Khamis)** |
| **Masa** | : | **8:30 pagi – 5:30 petang** |
| **Tempat** | : | **Bilik Mesyuarat ANM<br>Aras 8, JANM Putrajaya** |

3. Sehubungan dengan itu, puan adalah dijemput untuk menghadiri temuduga ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan"***

Saya yang menurut perintah,

**( MOHD NADZRY BIN HAKIMI )**
Bahagian Pembangunan Perakaunan
dan Pengurusan
b.p Akauntan Negara Malaysia